

**Johor Bahru:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor tidak mengesan sebarang bacaan bagi parameter ammonia di semua lokasi pemantauan sekitar kawasan kebakaran stor penyimpanan lori dan minyak enjin di Jalan Cenderai 27, Taman Kota Puteri, Masai, di sini, pagi semalam.

Pengarah JAS Johor Dr Mohd Famey Yusoff berkata, lokasi itu termasuk pos kawalan bomba yang mencatatkan bacaan ammonia tidak berbahaya pada pemantauan yang di-

# Tak kesan bacaan bagi parameter ammonia: JAS

lakukan kelmarin.

Beliau berkata, pemantauan yang bermula jam 10 pagi semalam, turut membabitkan Sekolah Kebangsaan Seri Kota Puteri, Makmur Maju Logistic Sdn Bhd dan Jalan Cenderai 27, di sini.

“Hasil pemantauan kua-

liti udara di semua lokasi berhampiran kawasan kebakaran, (juga mendapati) tiada sebarang bacaan bagi parameter gas dan *Volatile Organic Compound* (VOC) dikesan,” katanya pada kenyataan, semalam.

Komander Operasi Kanan, Ketua Zon 1 Johor Zai-

pulbahri Mat Rusok dilaporkan berkata, operasi pemadaman di Divisyen 1 susulan kebakaran di stor penyimpanan itu selesai, jam 4 pagi semalam.

Beliau bagaimanapun berkata, kerja pemadaman di Divisyen 2 di lokasi kejadian masih diteruskan kerana menghadapi kesukaran berikutan halangan tong minyak yang besar dan banyak, sekali gus menyukarkan akses anggota bomba untuk membuat kerja pemadaman.- BER-NAMA

# Cecair hitam dikesan mengalir keluar ke parit berdekatan

**Johor Bahru:** Cecair hitam dipercayai minyak dikesan mengalir keluar dari kawasan kebakaran stor penyimpanan lori dan minyak enjin di Jalan Cenderai, Taman Kota Puteri, Masai, di sini, semalam, ke parit berdekatan dan dikhuatiri hingga Selat Tebrau.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) Datuk Mohd Haffiz Ahmad berkata, sebagai langkah awal pencegahan, pihaknya akan menggali kolam di lokasi kejadian untuk menyekat cecair terbabit daripada terus mengalir keluar.

Beliau berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri akan memasang penghadang minyak di parit dan beberapa kawasan lain serta mengambil sampel

bagi mengenal pasti kandungan cecair berkenaan.

“Jabatan Laut Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pula akan membuat kawalan di hulu Selat Tebrau dengan memasang penghadang minyak bagi menyekat cecair daripada mengalir keluar ke laut,” katanya kepada pemberita ketika meninjau lokasi kejadian, di sini, semalam.

Terdahulu, tinjauan Bernama mendapati, cecair hitam yang mengalir keluar dari kawasan kebakaran itu mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan sehingga menusuk ke hidung.

Orang ramai sejak awal pagi tadi turut meninjau lokasi kejadian bagi melihat kesan kebakaran itu.